

# Pelbagai inisiatif ringankan perbelanjaan mahasiswa

► Kuala Lumpur

**M**ajlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti awam tidak bergantung sepenuhnya kepada program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) bagi membantu meringankan kos perbelanjaan mahasiswa, sebaliknya kreatif memperkenalkan pelbagai inisiatif lain dengan tujuan yang sama.

Yang Dipertua MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS), Mohd Taufik Nordin, berkata inisiatif Penyelarasan Harga Makanan diperkenal di UMS sejak tahun lalu iaitu menetapkan harga siling bagi setiap jenis makanan bagi mengelakkan pengendali kafe dalam kampus melekatkan harga kurang munasabah.

“Pentadbiran universiti

mengariskan secara jelas kepada pengendali kafe mengenai harga siling makanan, contohnya, set nasi ayam penyep pada harga RM5.50 atau minuman milo ais RM1.50.

“Setakat ini, kebanyakan peniaga mematuhi syarat ditetapkan dalam permohonan tender itu, jika ada pelanggaran peraturan itu hanya membabitkan segelintir kecil peniaga,” katanya.

Mohd Taufik berkata, bagi menambah alternatif penjimatan bagi pelajar, cadangan pelaksanaan MR1M akan diketengahkan semula pada tahun ini selain memperkenalkan inisiatif ‘Aku Kesah’ bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan.

## **Program Great Meal**

Katanya, beberapa peng-

usaha kafe di UMS bersetuju bekerjasama menjayakan program itu dengan menawarkan hidangan sarapan, makan tengah hari dan makan malam secara percuma kepada pelajar yang memerlukan.

Sementara itu, Timbalan Naib Yang Dipertua Media dan Perhubungan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Ismazatul Husna Ismail, berkata program *Great Meal* diperkenalkan sejak awal tahun lalu yang menawarkan harga sama dengan menu MR1M iaitu RM4 bagi pek makanan tengah hari dan malam.

Katanya, makanan itu ditempah daripada pembekal termasuk pengendali makanan yang mengusahakan kafe di bangunan pentadbiran UPM bagi yang sudah siap dibungkus dan



Mohd Taufik



Nur Ismazatul Husna

dijual di kolej kediaman.

“Menu ditawarkan sama seperti MR1M, contohnya, set nasi putih dengan ayam sambal, sayur dan air sirap, dijual di kolej kediaman sebanyak 50 pek setiap sesi jualan.

“Inisiatif itu mendapat sambutan dan akan

diteruskan pada semester ini selepas memperhalusi kaedah menambah baik pelaksanaannya termasuk memperluas jualan di fakulti serta mengkaji semula jumlah pek yang sesuai untuk dijual bagi memenuhi permintaan pelajar,” katanya.